

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November, 1992

ATP301 - PERAKAUNAN PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Soalan (1)

- (a) Pada 30 Jun tahun ini, anda di minta oleh Syarikat Gelugor untuk menyediakan penyata-penyata kewangannya bagi 6 bulan pertama tahun ini. Penyata-penyata kewangan ini diperlukan untuk membuat permohonan kredit kepada sebuah bank. Pemilik syarikat itu kesal kerana kualiti rekod perakaunan firmannya kurang memuaskan. Ini disebabkan oleh perletakkan jawatan ketua akauntan firma itu beberapa bulan yang lalu kerana perselisihan faham dengan pemilik syarikat. Akibat daripada pemergian akauntan itu, beberapa maklumat telah tertinggal daripada rekod perakaunan. Namun data berikut diketahui:

Inventori barangsiap, 1 Januari	\$ 40,000
Inventori kerja berjalan, 1 Januari ...	34,000
Inventori bahan mentah, 1 Januari	31,000
Jualan untuk 6 bulan pertama	950,000
Kos buruh langsung	350,000

Juga, data berikut telah dianggarkan:

Overhed kilang berpurata 30 peratus dari kos menukar.
Belian bahan dalam tempoh 6 bulan pertama - \$240,000
Kos prima berpurata 80 peratus dari kos barangan dikilang.
Margin kasar berpurata 25 peratus dari jualan.
Kos barangan yang ada untuk dijual dianggarkan \$800,000.
Kos jualan dan pengedaran \$112,300
Belanja pentadbiran \$95,540.

...2/-

Dikehendaki

- (i) Anggaran baki inventori bahan mentah, inventori kerja berjalan dan inventori barangsiap seperti pada 30 Jun;
- (ii) Sediakan satu penyata pendapatan untuk enam bulan pertama tahun ini.

[15 markah]

- (b) Berikut disenaraikan jabatan-jabatan perkhidmatan yang biasa terdapat di dalam syarikat-syarikat pembuatan dan bukan pembuatan:

Komputer
Kafeteria
Kesihatan
Keselamatan
Personel
Pentadbiran Am
Penyelenggaraan

Dikehendaki

- (i) Bagi setiap jabatan di atas, berikan asas yang mungkin digunakan untuk memperuntukkan kosnya ke jabatan-jabatan pengeluaran. Apakah rasional penggunaan asas itu?
- (ii) Apakah kelebihan kaedah bersilang berbanding dengan kaedah-kaedah yang lain untuk menguntukkan kos pusat perkhidmatan ke pusat pengeluaran?

[10 markah]

Soalan (2)

- (a) Syarikat Anson menggunakan sistem pengekosan proses untuk mengekos pengeluarannya. Inventori kerja berjalan bagi tahun 1991 adalah seperti berikut:

		Bahan	Kos Menukar
1 Januari, 1991	6,000 unit	100%	60%
31 Disember, 1991	7,000 unit	100%	70%

...3/-

ATP301

Dalam tahun 1991 syarikat itu telah memulakan 30,000 unit dan 29,000 unit kemudian siap sepenuhnya. Kos pengilangan yang berlaku dalam tahun itu berjumlah \$89,900 bagi bahan dan \$142,380 untuk menukar. Kos kerja berjalan (mula) bernilai \$33,600 (bahan, \$19,200 dan menukar, \$14,400).

Dikehendaki

Dengan mengandaikan aliran kos masuk dulu keluar dulu (MDKD), sediakan satu laporan kos pengeluaran bagi tahun 1991. Laporan ini hendaklah menunjukkan unit bersamaan barang siap, kos seunit, kos barang siap yang dipindah keluar dan kos inventori akhir kerja berjalan.

[15 markah]

- (b) (i) Untuk menilai prestasi bahagian-bahagian syarikat yang didesentralisasikan, adakah anda lebih gemar menggunakan Pulangan atas Pelaburan atau Pendapatan Lebihan? Kenapa?
- (ii) Apakah persoalan yang penting bila menilai keberkesanan sesuatu pengukur prestasi pengurus?
- (iii) Berikan beberapa contoh bagaimana seseorang pengurus dapat memperbaiki prestasi jangka pendek dengan membelakangkan prestasi jangka panjang syarikat.

[10 markah]

Soalan (3)

- (a) Bayan Sdn. Bhd. membuat sejenis barangan yang dikeluarkan dalam lot 250 unit. Syarikat ini menggunakan sistem perakauan piawai. Kos piawai bagi satu lot pengeluaran adalah seperti berikut:

Bahan langsung (400 kg. @ \$0.25)	\$100.00
Buruh langsung (14 jam @ \$4.25)	\$ 59.50
Overhed boleh ubah (14 jam @ \$1.75)	\$ 24.50
Overhed tetap (14 jam @ \$3)	\$ 42.00

	\$226.00
	=====

Paras biasa pengeluaran ialah 60,000 jam buruh langsung sebulan.

...4/-

ATP301

Data bagi operasi bulan Februari, 1991 adalah seperti berikut:

Keluaran: 4,400 lot
Belian bahan langsung: 1,800,000 kg. @ \$0.27
Penggunaan bahan langsung: 1,750,000 kg.
Buruh langsung: 63,000 jam @ \$4.28
Overhed boleh ubah (sebenar): \$122,000
Overhed tetap (sebenar): \$192,000

Dikehendaki

Kirakan varians-variens yang boleh didapati dari maklumat di atas.

[15 markah]

- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan "kawalan" di dalam bidang pengurusan? Terangkan unsur-unsur proses kawalan, dan bagaimana maklumat perakaunan memainkan peranan di dalam proses kawalan organisasi.
- (ii) Bezakan antara kawalan maklumbalas (feedback control) dengan kawalan maklumhadapan (feed-forward control).

[10 markah]

Soalan (4)

- (a) Syarikat Anchor membuat beberapa jenis kotak penyimpan barangemas (KPB). Pihak pengurusan menganggarkan bahawa dalam suku tahun ketiga 1992, syarikat itu akan beroperasi pada paras 80% dari kapasiti biasa. Oleh kerana Syarikat Anchor mahukan penggunaan kapasiti loji yang lebih tinggi, ia akan menimbangkan satu pesanan khas.

Syarikat Anchor telah menerima pesanan khas dari dua syarikat. Pesanan pertama ialah dari JCP Bhd. yang mahu memasar KPB yang serupa dengan satu daripada barisan produk Syarikat Anchor sendiri. KPB ini akan dipasarkan dengan jenama JCP. JCP Bhd. telah menawarkan harga \$5.75/KPB untuk 20,000 unit

...5/-

ATP301

yang perlu siap selewat-lewatnya pada 1 Oktober, 1992. Maklumat mengenai seunit KPB yang dipesan oleh JCP itu adalah seperti berikut:

Harga jualan biasa	<u>\$9.00</u>
Kos seunit:	
Bahan langsung	\$2.50
Buruh langsung (0.5 jam @ \$6)	3.00
Jumlah overhed (0.25 jam mesin @ \$4)	1.00

Jumlah kos	<u>\$6.50</u>
	=====

Mengikut spesifikasi dari JCP, KPB yang dipesan khas itu memerlukan bahan langsung yang kurang mahal berbanding yang dikeluarkan oleh Syarikat Anchor. Oleh itu kos bahan langsung hanyalah \$2.25/KPB. Pihak pengurusan telah menganggar yang kos-kos lain, jam buruh dan jam mesin masih sama.

Pesanan yang kedua datang dari Krage Bhd. untuk 7,500 unit KPB pada harga \$7.50 seunit. KPB ini juga akan dipasarkan dengan jenama Krage sendiri dan diperlukan selewat-lewatnya pada 1 Oktober, 1992. Tetapi KPB yang dipesan ini adalah berlainan dari barisan produk Syarikat Anchor yang sedia ada. Kos seunit bagi KPB ini dianggarkan seperti berikut:

Bahan langsung	\$3.25
Buruh langsung (0.5 jam @ \$6)	3.00
Jumlah overhed (0.5 jam mesin @ \$4)	2.00

Jumlah kos	<u>\$8.25</u>
	=====

Juga, bagi pesanan Krage ini, Syarikat Anchor akan menanggung \$1,500 kos persiapan dan perlu membeli perkakas khas \$2,500. Perkakas ini tidak akan digunakan lagi selepas pesanan Krage dipenuhi.

Keupayaan pengeluaran Syarikat Anchor terhad dengan jumlah jam mesin yang sedia ada. Kapasiti loji bagi operasi biasa ialah 7,500 jam mesin sebulan. Semua kos overhed kilang diserapkan ke pengeluaran berasaskan jam mesin pada kadar \$4 sejam, yang dikira menggunakan 7,500 jam mesin bulanan.

...6/-

ATP301

Syarikat Anchor akan mempunyai seluruh suku tahun ketiga untuk mengerjakan pesanan khas itu. Pihak pengurusan tidak menjangka kedua-dua pesanan itu akan berulang. Syarikat Anchor tidak mengamalkan sub kontrak untuk sebahagian dari kerja yang terbabit dengan pesanan khas jika pesanan itu tidak dijangka akan berulang.

Dikehendaki

Patutkah Syarikat Anchor menerima salah satu daripada pesanan khas itu? Jelaskan jawapan anda dan tunjukkan perkiraannya.

[15 markah]

(b) Terangkan apa yang dimaksudkan dengan:

- (i) Belanjawan berterusan;
- (ii) Pengurusan melalui pengecualian;
- (iii) "Slack" di dalam belanjawan.

[5 markah]

(c) Huraikan tiga pendekatan untuk menyediakan belanjawan.

[5 markah]

Soalan (5)

- (a) Encik Ponti memulakan restoran pizza pada tahun 1988. Bagi keperluan ini beliau telah menyewa sebuah kedai kecil berharga \$400 sebulan. Dua pekerja sepenuh masa telah diambil dan enam pelajar universiti diupah sebagai penghantar pizza untuk 30 jam seminggu. Seorang pembantu sambilan diupah untuk menjaga kira-kira kedai Encik Ponti dengan gaji \$300 sebulan. Peralatan restoran dan kenderaan untuk menghantar pizza dibeli secara tunai. Encik Ponti sedar yang belanja utiliti (elektrik dan air) tidak banyak berubah dari sebulan ke sebulan.

...7/-

ATP301

Peniagaan Encik Ponti bertambah di antara tahun 1988 dengan 1991. Keuntungan telah melebihi satu kali ganda semenjak tahun 1988. Encik Ponti hairan bagaimana peningkatan keuntungannya melebihi peningkatan volum jualan.

Di bawah ini ialah satu pelunjuran penyata pendapatan bagi tahun 1992 yang disediakan oleh penyimpan kira-kira Encik Ponti:

Jualan		\$95,000
Kos barang dijual	\$28,500	
Upahan pekerja restoran	8,150	
Upahan pekerja menghantar pizza	17,300	
Sewa	4,800	
Perkhidmatan perakaunan	3,600	
Susutnilai - perlatan menghantar	5,000	
Susutnilai - peralatan restoran	3,000	
Utiliti	2,325	
Bekalan	1,200	
	-----	73,875
Pendapatan sebelum cukai		21,125
Cukai pendapatan		6,338

Pendapatan bersih		\$14,787
		=====

Secara purata, satu keping pizza berharga \$5. Andaikan kadar cukai pendapatan Encik Ponti 30%.

Dikehendaki

- (i) Kirakan titik pulang modal dalam unit.
- (ii) Jika Encik Ponti mahukan keuntungan selepas cukai sebanyak \$20,000, berapa keping pizza yang perlu dijual?
- (iii) Berapa keping pizza yang perlu dijual jika Encik Ponti mahukan keuntungan selepas cukai sebanyak 20 peratus dari jumlah harga jualan?
- (iv) Terangkan dengan ringkas kepada Encik Ponti kenapa kadar peningkatan keuntungan beliau telah melebihi kadar peningkatan jualan.

[15 markah]

...8/-

ATP301

- (b) Syarikat ABC mempunyai satu bahagian khas untuk mengeluarkan serbuk pengacu. Semenjak tiga tahun yang lepas, dua pertiga dari keluaran bahagian itu dijual kepada satu daripada bahagian-bahagian di dalam Syarikat ABC. Yang lebihnya dijual kepada pihak luar. Data operasi bahagian yang menjual bagi tahun lalu adalah seperti berikut:

	Kepada bahagian lain		Kepada pihak luar
Jualan:			
10,000 tan @ \$70*	\$700,000	5,000 tan @ \$100	\$500,000
Kos boleh ubah @ \$50	\$500,000		\$250,000
Kos tetap	150,000		75,000
Jumlah kos	\$650,000		\$325,000
Margin kasar	\$ 50,000		\$175,000

* Harga \$70 ini biasanya di tentukan dengan mengambil kira jualan kepada pihak luar tolak belanja jualan dan pentadbi-
ran yang berkaitan penuh dengan jualan luar.

Bahagian yang membeli serbuk itu berpeluang untuk mendapat-
kan kontrak dengan pembekal luar pada harga \$65/tan bagi
tahun yang akan datang.

Dikehendaki

Andaikan yang pengurus bahagian yang membuat serbuk itu
mengatakan bahawa beliau tidak dapat menjual pada harga \$65
kerana tidak ada sebarang margin akan diperolehi. Sebagai
pengurus bahagian yang membeli, tuliskan satu jawapan yang
ringkas kepada kenyataan itu. Andaikan yang 10,000 tan itu
tidak dapat dijual oleh bahagian yang membuat serbuk kepada
pembeli lain.

[10 markah]